



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


***MEDAN SEMANTIK HATI BUDI MELAYU BERDASARKAN
WARKAH MELAYU LAMA***

ISNARIAH BINTI IDRIS

FBMK 2018 11



**MEDAN SEMANTIK HATI BUDI MELAYU BERDASARKAN
WARKAH MELAYU LAMA**



Oleh

ISNARIAH BINTI IDRIS

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI



**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA PENYAYANG**

“Ya Allah,
sesungguhnya aku memohon kepada-Mu
ilmu yang bermanfaat,
rezeki yang baik,
dan amalan yang diterima”

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**MEDAN SEMANTIK HATI BUDI MELAYU BERDASARKAN
WARKAH MELAYU LAMA**

Oleh

ISNARIAH BINTI IDRIS

Oktober 2017

Pengerusi : Che Ibrahim bin Salleh, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Medan semantik merupakan lingkungan konsepsi yang mengandungi sekumpulan leksikal yang saling berjalanan maknanya. Struktur pengkonsepsiannya yang bertindihan berupaya memberikan pemaknaan yang jelas. Oleh itu, analisis makna sesuai diaplikasikan untuk menentukan keperibadian dan pandangan sarwa sesuatu masyarakat. Namun, kajian lepas berhubung dengan sifat, nilai atau pandangan semesta sesuatu masyarakat kebanyakannya menggunakan pendekatan konseptual yang hasilnya merujuk persepsi penyelidik. Sungguhpun demikian, terdapat kajian yang mengaplikasikan teori medan semantik bagi menginterpretasikan konsep pemaknaan, tetapi kajian tersebut berkisar tentang nilai keperibadian masyarakat Melayu dan komponen terasnya sahaja. Ringkasnya, belum ada kajian medan semantik yang menghuraikan pemaknaan sifat dan nilai orang Melayu seperti yang tergambar dalam mana-mana penulisan, khususnya manuskrip lama. Melihatkan kelompangan tersebut, kajian ini dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan analisis medan semantik serta pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks. 18 warkah Melayu lama abad ke-19 dianalisis secara kualitatif dan dapatan dideskriptifkan berdasarkan model analisis yang dipelopori Toshihiko Izutsu (1964) dan Syed Muhammad Naguib al-Attas (1970). Melalui pengaplikasian model ini, konsep jalinan perkaitan makna antara kosa kata, dengan menginterpretasikan kata fokus, kata kunci, dan rangkaian kesatuan makna dalam lingkungan konsepsi keperibadian orang Melayu lama, khususnya golongan bangsawan dapat dikenal pasti. Melalui penghuraian ini juga, pandangan sarwa serta peradaban masyarakat tersebut dapat diterjemahkan. Hasil kajian telah menemukan sebanyak 57 ungkapan yang berteraskan hati budi Melayu dalam warkah kajian. Ungkapan ini dikelompokkan kepada lima pusat penumpuan makna, dan 73 kata kunci berserta makna asasnya yang diinterpretasikan menerusi setiap ungkapan dalam kata fokus tersebut. Semua kata kunci ini saling berangkaian maknanya dan dapat menggambarkan konsep sebenar amalan, nilai kehidupan, dan kepercayaan masyarakat tersebut. Tuntasnya, dengan

mengaplikasikan analisis medan semantik, semua ungkapan hati budi Melayu yang dikenal pasti dapat memberikan gambaran sebenar keperibadian raja dan pembesar Melayu abad ke-19 yang bukan sahaja “tulus” ketika melaksanakan sesuatu, malah “bijak” merencanakan kehidupan, dengan tidak meminggirkan amalan “muafakat” agar kewajipan dan “tanggungjawab” dapat ditunaikan mengikut syariat “Islam”.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE SEMANTIC FIELD OF MALAY VIRTUES BASED ON
TRADITIONAL MALAY LETTERS**

By

ISNARIAH BINTI IDRIS

October 2017

Chairman : Che Ibrahim bin Salleh, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Semantic field is the conception circle which contains a set of lexical with interwoven meanings. The overlapping conception structure is capable of providing clear meanings. As such, analysis of meaning is suitable to be applied in determining the personality and worldview of a certain society. However, previous researches on the nature, value, or the worldview of a certain society mostly adopt conceptual approach whereby the results refer to the perception of the researchers. Nevertheless, there are studies that apply the semantic field theory in interpreting the concept of meaning; however the studies revolve around the personality values of the Malay society and its core components only. In short, there is no semantic field study as yet which describes the meaning of the nature and value of the Malays as depicted in any writings, especially old manuscripts. Seeing the void, this study was conducted by applying semantic field analysis, as well as data collection through literature and text analysis method. 18 traditional Malay letters of the 19th century were analysed qualitatively, and the findings described based on the analysis model pioneered by Toshihiko Izutsu (1964) and Syed Muhammad Naguib al-Attas (1970). Through the application of this model, the concept of the interwoven meaning between vocabularies, by interpreting focus words, keywords, and the continuum of meaning within the conception circle of the personality of traditional Malay society, especially the nobility can be identified. In addition, through this interpretation, the worldview and the civilisation of the society can be translated. The result of the study identified 57 phrases that are based on Malay virtues within the letters being examined. These phrases are grouped into five meaning of convergence points, and 73 keywords, along with their fundamental meanings interpreted through each of the phrases in the focus words. All of these keywords have intertwined meanings and may describe the actual concept of practice, life values, and beliefs of the society. Comprehensively, by applying semantic field analysis, the phrases of Malay virtues identified can provide an actual picture of the personality of the 19th century Malay ruler and leaders that were not only “virtuous”

in implementing things, but also “smart” in planning their lives, while not marginalising the practice of coming to “consensus”, so as to fulfil their duties and “responsibilities” according to the tenets of “Islam”.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, dan para sahabat baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana telah mengizinkan kajian ini dapat disempurnakan dengan baiknya dan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada kesempatan ini saya kalungkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abdul Rashid bin Daing Melebek selaku ketua penyelia saya yang awal kerana banyak memberikan semangat dan pandangan berhubung dengan kajian yang saya lakukan. Juga, setulus ucapan terima kasih kepada ketua penyelia seterusnya, iaitu Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh atas kesinambungan bimbingan yang diberikan. Tidak dilupakan kepada jawatankuasa penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam dan Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad, jutaan terima kasih saya titipkan kerana sering membantu dan memberikan sokongan kepada saya. Sesungguhnya pengalaman bersama-sama mereka yang sentiasa bersedia membantu dan memberikan komitmen tinggi sangat saya hargai. Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, khususnya Dekan, Profesor Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad; Timbalan Dekan Seksyen Siswazah dan Antarabangsa, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Azidan bin Abdul Jabar; dan para pensyarah fakulti terutamanya dari Jabatan Bahasa Melayu atas nasihat dan panduan sepanjang pembelajaran ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana meluluskan cuti belajar bergaji penuh untuk saya melanjutkan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah ini. Juga warga Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), khasnya rakan pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu dan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGK IK) kerana menjadi pembakar semangat dalam usaha saya menyelesaikan kajian ini. Tidak ketinggalan kepada seluruh rakan guru serta anak didik yang sentiasa 'ada' dan 'bersama-sama' memberikan sokongan untuk saya meneruskan pengajian ini.

Untuk semua ahli keluarga, terima kasih tidak terhingga atas doa, perhatian, dan harapan kalian yang menjadi pendorong bernilai dalam saya menelusuri langkah kajian ini hingga penghujungnya. Rasa penghargaan ini juga dikongsikan bersama-sama arwah ayahanda dan bonda, iaitu Haji Idris bin Mohd. Sharif dan Hajah Siti Rapiah @ Rosni binti Mohamed Ali yang 'dalam ada' menjadi sumber inspirasi untuk saya meneruskan perjuangan ini. Didoakan semoga kedua-duanya 'bahagia' di sana menyaksikan kejayaan ini.

Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung membantu dan bersama-sama saya melalui momen 'pahit dan manis' semasa menyiapkan kajian ini. Perhatian dan

kebersamaan kalian amat bererti kepada saya dan mudah-mudahan segalanya dirahmati Allah SWT.

Isnariah binti Idris
FBMK, UPM



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 26 Oktober 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Isnariah binti Idris bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Medan Semantik Hati Budi Melayu Berdasarkan Warkah Melayu Lama” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zulkifley Hamid, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 29 Januari 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Isnariah binti Idris, GS 43008

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pernyataan Masalah	3
	Objektif Kajian	8
	Kepentingan Kajian	8
	Batasan Kajian	9
	Definisi Operasional	11
	Medan Semantik	11
	Kata Fokus	12
	Kata Kunci	13
	Rangkaian Kesatuan Makna dan Lingkungan Konsepsi	13
	Hati Budi	14
	Warkah Melayu Lama	15
II	SOROTAN LITERATUR	16
	Pengenalan	16
	Kajian tentang Hati Budi Melayu	16
	Kajian tentang Warkah Melayu Lama	25
	Kajian tentang Medan Semantik	31
	Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian Ini	36
III	METODOLOGI	37
	Pengenalan	37
	Reka Bentuk Kajian	38
	Konsep dan Kerangka Teori	39
	Kaedah Kajian	45
	Bahan Kajian	46
	Tatacara Kajian	46
	Peringkat Penerokaan	46
	Peringkat Analisis	47
	Peringkat Interpretasi	47
	Penganalisan Data	48

	Kerangka Konseptual	48
IV	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	50
	Pengenalan	50
	Ungkapan Hati Budi Melayu berdasarkan Warkah Melayu Lama	50
	Kata Fokus Hati Budi Melayu berdasarkan Warkah Melayu Lama	58
	Ungkapan Hati Budi Melayu mengikut Kata Fokus “Islam”	60
	Ungkapan Hati Budi Melayu mengikut Kata Fokus “Tulus”	61
	Ungkapan Hati Budi Melayu mengikut Kata Fokus “Bijak”	63
	Ungkapan Hati Budi Melayu mengikut Kata Fokus “Muafakat”	66
	Ungkapan Hati Budi Melayu mengikut Kata Fokus “Tanggungjawab”	69
	Kekerapan Ungkapan Hati Budi Melayu mengikut Kata Fokus	72
	Kata Kunci setiap Ungkapan Hati Budi Melayu	74
	Makna Asasi setiap Kata Kunci mengikut Kata Fokus “Islam”	80
	Makna Asasi setiap Kata Kunci mengikut Kata Fokus “Tulus”	87
	Makna Asasi setiap Kata Kunci mengikut Kata Fokus “Bijak”	93
	Makna Asasi setiap Kata Kunci mengikut Kata Fokus “Muafakat”	102
	Makna Asasi setiap Kata Kunci mengikut Kata Fokus “Tanggungjawab”	112
	Rangkaian Kesatuan Makna antara Kata Kunci dengan Kata Fokus dan Pembentukan Medan Semantik Hati Budi Melayu berdasarkan Warkah Melayu Lama	123
	Rangkaian Kesatuan Makna dan Medan Semantik bagi Kata Fokus “Islam”	124
	Rangkaian Kesatuan Makna dan Medan Semantik bagi Kata Fokus “Tulus”	128
	Rangkaian Kesatuan Makna dan Medan Semantik bagi Kata Fokus “Bijak”	132
	Rangkaian Kesatuan Makna dan Medan Semantik bagi Kata Fokus “Muafakat”	136
	Rangkaian Kesatuan Makna dan Medan Semantik bagi Kata Fokus “Tanggungjawab”	141
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	144
	Implikasi Dapatan Kajian	145
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	148
	Pengenalan	148
	Rumusan	148
	Cadangan Kajian	150
	BIBLIOGRAFI	153
	LAMPIRAN	161
	BIODATA PELAJAR	201
	SENARAI PENERBITAN	202

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Warkah Kajian	10
2	Hati Budi Melayu dalam Warkah Sultan Sulu Muhammad Fadl kepada Gabenor Hong Kong (1845)	51
3	Hati Budi Melayu dalam Warkah Perjanjian Sultan Brunei kepada Raja Sarawak James Brooke (30 Syaaban 1362 / 23 Ogos 1846)	51
4	Hati Budi Melayu dalam Warkah Munsyi Abdullah kepada E. Dulaurier (18 Syaaban 1257 / 1 Ogos 1847)	52
5	Hati Budi Melayu dalam Warkah Sultan Brunei kepada Raja Sarawak James Brooke (11 Ramadan 1268 / 29 Jun 1852)	53
6	Hati Budi Melayu dalam Warkah Sultan Muhammad dari Selangor kepada E. A. Blundell (29 Rabiulakhir 1272 / 8 Januari 1856)	53
7	Hati Budi Melayu dalam Warkah Datuk Bendahara Pahang kepada E. A. Blundell (14 Ramadan 1272 / 20 Mei 1856)	53
8	Hati Budi Melayu dalam Warkah Raja Ahmad dari Kedah kepada E. A. Blundell (28 Zulhijah 1272 / 30 Ogos 1856)	54
9	Hati Budi Melayu dalam Warkah Datu' Kelana Putera dari Semujung dan Datu' Laila Maharaja dari Rembau kepada Gabenor Negeri-negeri Selat (8 Jamadilakhir 1275 / 13 Januari 1858)	54
10	Hati Budi Melayu dalam Warkah Sultan Al-Jaafar Muazam Syah dari Perak kepada O. Cavenagh (12 Safar 1276 / 10 September 1859)	54
11	Hati Budi Melayu dalam Warkah Sultan Johor [Sultan Ali Iskandar Syah] kepada O. Cavenagh (30 Mei 1861)	54
12	Hati Budi Melayu dalam Warkah Raja Kelantan kepada Gabenor Straits Settlements (12 Syawal 1278 / 12 April 1861)	55
13	Hati Budi Melayu dalam Warkah Sultan Umar dari Terengganu kepada O. Cavenagh (10 Zulhijah 1278 / 8 Jun 1862)	55

14	Hati Budi Melayu dalam Warkah Pengiran Temenggung Brunei kepada Gabenor Kimanis (17 Safar 1286 / 29 Mei 1869)	55
15	Hati Budi Melayu dalam Warkah Pengiran Temenggung Brunei kepada Syeikh Rajab di Labuan (22 Ramadan 1286 / 26 Disember 1869)	56
16	Hati Budi Melayu dalam Warkah Raja Ali Haji kepada H. von de Wall (17 Safar 1287 / 19 Mei 1870)	56
17	Hati Budi Melayu dalam Warkah Raja Ali Haji kepada H. von de Wall (18 Muharam 1288 / 9 April 1871)	56
18	Hati Budi Melayu dalam Warkah Sultan Abdul Samad dari Selangor kepada jajahan takluknya (27 Muharam 1293 / 23 Februari 1876)	56
19	Hati Budi Melayu dalam Warkah Raja Muda Patani kepada W. W. Skeat (27 Muharam 1317 / 7 Jun 1899)	57
20	Kekerapan Ungkapan Hati Budi Melayu mengikut Kata Fokus	73
21	Kata Kunci berpandukan Kata Fokus dan Ungkapan Teras Hati Budi Melayu berdasarkan Warkah Melayu Lama	76

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Pasar”	12
2	Asas Medan Semantik	14
3	Medan Semantik – Kata Fokus “Iman” (T. Izutsu)	32
4	Medan Semantik – Kata Fokus “Kufir” (T. Izutsu)	33
5	Medan Semantik – Kata Fokus “Wujud” (Syed M. Naguib al-Attas)	34
6	Medan Semantik – Kata Fokus “Ada” (Syed M. Naguib al-Attas)	35
7	Medan Semantik – Kata Fokus “Diri” (Syed M. Naguib al-Attas)	35
8	Medan Semantik – Kata Fokus “Kenal” (Syed M. Naguib al-Attas)	42
9	Kerangka Teori Medan Semantik Hati Budi Melayu berdasarkan Warkah Melayu Lama	44
10	Kerangka Konseptual Kajian	49
11	Rangkaian Kesatuan Makna Perkataan “Islam” dan Lingkungan Konsepsi ‘Kesatuan Iman dan Amal yang Menjadi Pegangan’	127
12	Medan Semantik Kata Fokus “Islam”	128
13	Rangkaian Kesatuan Makna Perkataan “Tulus” dan Lingkungan Konsepsi ‘Kemuliaan Hati Nurani apabila Berurusan dengan Manusia dan Tuhan’	131
14	Medan Semantik Kata Fokus “Tulus”	132
15	Rangkaian Kesatuan Makna Perkataan “Bijak” dan Lingkungan Konsepsi ‘Perlakuan Baik yang Membuktikan Kepintaran dan Kecerdikan’	135
16	Medan Semantik Kata Fokus “Bijak”	136

17	Rangkaian Kesatuan Makna Perkataan “Muafakat” dan Lingkungan Konsepsi ‘Pengetahuan tentang Hakikat Amalan Kesepakatan’	139
18	Medan Semantik Kata Fokus “Muafakat”	140
19	Rangkaian Kesatuan Makna Perkataan “Tanggungjawab” dan Lingkungan Konsepsi ‘Kewajipan terhadap Tuhan, Diri Sendiri, Keluarga, Komuniti, dan Negara yang Ditunaikan bagi Kesejahteraan Kehidupan’	141
20	Medan Semantik Kata Fokus “Tanggungjawab”	144



SENARAI SINGKATAN

HBM	Hati Budi Melayu
WML	Warkah Melayu Lama
SAW	Salallahu Alaihi Wassalam
SWT	Subhanahu Wa Taala



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Semantik merupakan salah satu cabang linguistik yang mengkaji erti atau makna perkataan, frasa, dan ayat sesuatu bahasa. Ilmu yang berkaitan dengan bahasa ini meneroka hubungan antara kata dengan konsep atau perihal yang dirujuk, termasuk hubungannya dengan alam di luar bahasa. Menurut Abdullah Hassan (1989), semantik merupakan sebahagian daripada linguistik yang merujuk kajian makna, sama taraf dengan fonetik dan tatabahasa. Siti Hajar Abdul Aziz (2009) pula, mentakrifkan semantik sebagai sebahagian daripada bidang kajian tatabahasa yang melibatkan struktur dalam sesuatu bahasa.

Semantik juga merupakan komponen tatabahasa yang sukar difahami kerana berkaitan dengan perkara abstrak, yang memerlukan taakulan yang tinggi bagi makna sesuatu perkataan. Contohnya, perkataan “murni” tidak dapat diberikan makna yang tepat kerana tiada objek yang sesuai untuk mewakilinya. Namun, makna perkataan ini boleh diberikan dengan merujuk perkataan lain yang mempunyai kaitan atau erti yang sepadan dengannya. Perkataan ini saling boleh memberikan makna antaranya kerana berada dalam lingkungan atau medan semantik yang sama. Perkaitan makna antara perkataan ini terbentuk melalui analisis Teori Medan Makna atau Teori Medan Semantik (*Semantics Field Theory*). Teori ini mengkaji satu kumpulan kata yang berhubungan dan tergolong dalam satu kelompok yang sama. Kenyataan ini berpadanan dengan pandangan Lehrer (1974) yang mengatakan bahawa teori medan makna ialah satu teori yang membincangkan satu set perkataan yang berhubungan, yang tergolong di bawah satu domain (medan semantik, bidang subjek). Contohnya, *glass, a container* boleh dikaji bersama-sama *cup, bowl, mug, vase*, dan perkataan-perkataan lain yang membawa maksud *container*. Menurut Syed Muhammad Naguib al-Attas (Syed M. Naguib al-Attas) (1970) pula, dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa terdapat lapangan semantik (medan makna) atau lingkungan konsepsi yang bertindihan antara satu sama lain kerana adanya perkaitan dan pergantungan.

Teori Medan Makna ini diasaskan dan dikembangkan oleh Jost Trier (J. Trier) (1931). Beliau telah meluaskan kajian berhubung dengan makna dengan memberikan satu bentuk binaan baharu kepada kajian perkataan. Salah satu kajian Trier ialah penentuan medan keintelektualan bagi bahasa Jerman. Beliau membahagikan bahasa Jerman kepada tiga medan semantik, iaitu *wisheit* (pengalaman keagamaan), *kunst* (pengetahuan), dan *wizzen* (seni). Istilah *wisheit* (pengalaman keagamaan) telah digunakan untuk mewakili makna keseluruhan keintelektualan bahasa Jerman tersebut.

Bagi pengkaji tempatan, kebanyakan kajian tertumpu kepada aspek semantik mengikut kepakaran masing-masing dan fenomena budaya masyarakat. Antara pengkaji tersebut termasuklah Nor Hashimah Jalaluddin (1992), Hashim Hj. Musa (1998), Ahmad Mahmood Musanif (2001), dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006). Menurut Nor Hashimah dan Hawiyah Baba (2007), terdapat beberapa kajian yang mengaplikasikan teori semantik dalam penerokaan perkamusan. Antara aspek yang dikaji termasuklah masalah makna, pendefinisian semula makna entri, menangani masalah polisemi, peluasan makna, dan pemilihan serta kekangan makna dalam peristilahan. Ternyata kebanyakan kajian tersebut berkisar tentang makna berbanding dengan analisis medan makna yang memerlukan penaakulan serta penentuan istilah yang betul terhadap sesuatu kata. Ketepatan makna setiap kata amat perlu kerana struktur konsepsi sesuatu teks atau penulisan dapat ditentukan dan memberikan pemaknaan yang jelas.

Sehubungan dengan itu, kajian berhubung dengan sifat dan keperibadian sosial orang Melayu dengan mengaplikasikan medan semantik amat sesuai dan menarik untuk dilakukan kerana bangsa Melayu terkenal dengan adat resam dan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun. Kata kunci sesuatu teks atau wacana dapat menentukan pembentukan struktur pengkonsepsian sesebuah masyarakat. Pengkonsepsian ini akan menjelaskan realiti, alam semesta, kejadian, dan nilai kehidupan masyarakat tersebut. Sungguhpun demikian, kebanyakan kajian dan penulisan berhubung dengan keperibadian orang Melayu yang ditemukan berbentuk konseptual dan pandangan penulis. Antara kajian yang menarik termasuklah *Malay Courtesy* oleh M. C. ff Sheppard (1965), *Revolusi Mental* oleh Senu Abdul Rahman (Penyusun) (2004), dan *Takkan Melayu Hilang di Dunia* oleh Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000).

Kajian dan penulisan dalam abad ke-21 yang berkaitan dengan adab dan tingkah laku orang Melayu, iaitu merujuk perlakuan, tutur kata, tatakehidupan, dan pemikiran ialah tulisan Tenas Effendy (2003a, 2003b, 2006) iaitu *Ethos Kerja, Kegotongroyongan dan Tenggang Rasa serta Tunjuk Ajar Melayu; Peradaban Melayu* oleh Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi (2005), *Nilai-nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar* oleh Laurent Metzger (2009), dan *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21* oleh Hashim Haji Musa (2008). Selain kajian tentang sifat dan keperibadian orang Melayu, kajian oleh Rozita Che Rodi (2013) mengaplikasikan teori medan semantik bagi menginterpretasikan bahasa sebagai cerminan nilai hati budi Melayu (HBM). Beliau telah menganalisis pembentukan 26 komponen teras HBM yang dibentuk Hashim Haji Musa (2008) untuk mengetahui maknanya dari sudut medan semantik.

Bertitik tolak daripada penelitian pengkajian yang menginterpretasikan medan semantik bagi menjelaskan sifat dan keperibadian hati budi masyarakat Melayu secara terperinci, pengkaji terpanggil untuk meneruskan kelangsungan kajian medan semantik ini tetapi melalui medium atau wacana yang lain. Pengkaji berminat untuk meneliti unsur keperibadian tersebut melalui manuskrip warkah Melayu lama (WML). Seperti yang kita sedia maklum, warkah lama merupakan khazanah warisan bangsa

yang tidak ternilai dan mencerminkan budaya hidup masyarakat lampau. *Worldview* masyarakat tersebut dapat ditentukan melalui penghuraian medan semantik kesatuan kata kunci yang terbentuk.

Kajian ini akan mengaplikasikan teori medan semantik dan model analisis yang dibangunkan oleh Toshihiko Izutsu (T. Izutsu) dan Syed M. Naguib al-Attas. T. Izutsu, misalnya telah menghuraikan gambaran grafik tentang kewujudan makna asasi dan makna perkaitan yang membentuk lingkungan konsepsi dan medan semantik dalam teks al-Quran. Beliau telah mengenal pasti makna asasi bagi “kitab” ialah “buku”, dan makna perkaitan “kitab” dalam teks al-Quran berkait dengan perkataan “Allah”, “*tanzil*”, “wahyu”, “nabi”, dan “ahli”. Oleh yang demikian, “kitab” membentuk satu lingkungan konsepsi yang berkaitan dengan konsep “wahyu”. Syed M. Naguib al-Attas pula telah mengaplikasikan konsep medan semantik bagi menganalisis fahaman tasawuf dan mistisisme Hamzah Fansuri melalui tiga karyanya. Dengan berpegang pada konsep perkataan yang kewujudannya saling berhubung kait, beliau menyimpulkan penulisan Hamzah Fansuri yang berfokuskan kata “wujud”, “ada”, dan “diri”. Melalui tiga kata fokus ini terbentuklah kata kunci dan makna asasi yang menjelaskan sistem mistik Hamzah Fansuri.

Kesimpulannya, untuk kajian ini Model Analisis Medan Semantik T. Izutsu (1964) dan Syed M. Naguib al-Attas (1970) akan diaplikasikan bagi menginterpretasikan HBM melalui ungkapan yang terkandung dalam WML abad ke-19. Ungkapan yang mencerminkan HBM yang terjelma baik secara tersurat mahupun tersirat dalam warkah kajian akan diinterpretasikan untuk menentukan kata fokus dan kata kunci yang berangkaian kesatuan maknanya. Kata kunci ini merupakan sejumlah perkataan yang penting, yang menggambarkan dan menentukan pembentukan struktur pengkonsepsian masyarakat Melayu lama abad ke-19, khususnya golongan istana. Struktur pengkonsepsian tersebut menjelaskan realiti dan alam semesta (konsep kosmologi); kejadian, hakikat, dan kewujudan manusia (konsep ontologi); dan nilai (konsep aksiologi) (Hashim Hj. Musa, 1995).

Pernyataan Masalah

Nilai merupakan sesuatu yang berguna, berfaedah, dan dapat memuaskan hati seseorang atau kelompok. Nilai yang disanjung oleh sesuatu kelompok masyarakat ialah sistem yang dianggap amat baik dan boleh dijadikan pedoman. Bagi masyarakat Melayu, salah satu nilai yang disanjung tinggi ialah budi. Orang yang mempunyai nilai ini dinamakan berbudi. Menurut Ismail Hamid (1988), berbudi bererti bersikap pemurah dan berbuat baik kepada orang lain. Orang yang menerima kebaikan terasa bagaikan berhutang dan berikhtiar untuk membalasnya kembali. Balas-membalas budi dalam masyarakat mampu melahirkan semangat kerjasama demi kebaikan.

Sejak zaman penjajahan lagi, banyak pendapat dan pandangan dilontarkan berhubung dengan masyarakat Melayu. Orang Eropah misalnya, gemar menulis tentang kehidupan dan keperibadian orang Melayu dengan tujuan yang berbeza. Ada yang menulis untuk kepentingan kuasa. Ada juga yang menulis tentang perkembangan dunia Melayu sebagai penyebaran maklumat. Salah seorang Inggeris yang pernah menulis tentang masyarakat Melayu ialah Frank Swettenham (F. Swettenham), pegawai tinggi British di Tanah Melayu pada 1882 hingga 1889. Beliau mempunyai pengalaman tinggal dengan orang Melayu dan berjaya menangani permasalahan serta membawa pembaharuan dalam pembangunan ekonomi orang Melayu ketika itu. Yang berikut ialah petikan pandangan beliau terhadap orang Melayu, yang termuat dalam buku *Malay Sketches*.

To begin to understand the Malay you must live in his country, speak his language, respect his faith, be interested in his interests, humour his prejudices, sympathise with and help him in trouble, and share his pleasures and possibly his risks. Only thus can you hope to win his confidence. Only through that confidence can you hope to understand the inner man, and this knowledge can therefore only come to those who have the opportunity and use it.

(F. Swettenham, 1984: 1)

Laurent Metzger (L. Metzger) (2009) pula menjelaskan bahawa orang Melayu terdahulu memegang erat sikap berbudi bahasa. Menurutnya, orang Melayu tidak akan menunjukkan perasaan tidak puas hati dengan tindakan atau tingkah laku yang agresif. Walaupun nilai berani tertanam dalam diri orang Melayu, nilai tersebut dijelmakan apabila perlu sahaja. Contohnya, semangat orang Melayu yang berani menyeberang laut serta belayar hingga jauh dari alam Melayu seperti pesisir Vietnam, Sri Lanka, dan Afrika Selatan.

Menurut Noor Aina Dani (2011) pula, masyarakat Melayu masih ampuh mengekalkan jati diri dan mengamalkan nilai murni yang diwarisi. Beberapa nilai murni sarwajagat yang digarap daripada adab orang Melayu turut diamalkan dalam kehidupan masyarakat bukan Melayu. Misalnya, orang Melayu kebiasaannya saling menyapa dengan ucapan “salam” dan berjabat tangan apabila bertemu. Kepada yang bukan Islam, diucapkan “selamat pagi”, “selamat tengah hari”, “selamat petang” atau sebagainya mengikut kesesuaian waktu. Ucapan dan jabat tangan ini biasanya diiringi wajah yang mesra dan suara yang lembut.

Dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam turut menjadi asas kelakuan dan tindakan, nilai, sikap, pandangan, dan hubungan sesama masyarakat. Nilai orang Melayu yang mengutamakan peraturan Islam telah melahirkan strategi berbahasa, yang secara langsung berhubung dengan Allah Taala. Menurut Noriati A. Rashid (2005), salah satu strategi yang digunakan oleh orang Melayu dalam pertuturan ialah Strategi

Ungkapan Rabbani. Melalui kajian dalam rundingan pertunangan orang Melayu, beliau mengesan lima jenis ungkapan rabbani iaitu “doa”, “tawakal”, “kesyukuran”, “insya-Allah”, dan “salam”. Ungkapan ini membuktikan bahawa nilai dan hati budi orang Melayu tidak dapat dipisahkan daripada kepercayaan kepada Allah Taala.

Selain itu, masyarakat Melayu amat menitikberatkan budi pekerti dan kesantunannya; berbahasa dalam pertuturan, penulisan, mahupun tingkah laku. Dalam kajian novel Saga karya Abdul Talib Mohd. Hassan, Norazlina Hj. Mohd. Kiram dan Raja Masittah Raja Ariffin (2012) menemukan kategori “tuntutan air muka” dalam gaya pengurusan air muka orang Melayu yang paling tinggi kekerapannya. Gaya “tuntutan air muka” melambangkan keperibadian orang Melayu yang berani, mempertahankan maruah diri tetapi ditonjolkan dalam bentuk yang sopan, santun, terkawal, dan sesuai dengan norma kehidupan.

Dalam kesusasteraan Melayu pula, kebanyakan nilai dan cara hidup orang Melayu turut ditemukan dalam bentuk pantun, gurindam, syair, pepatah, perumpamaan, peribahasa, seloka, dan hikayat serta cerita rakyat. Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil (2012) mengatakan bahawa peribahasa memaparkan unsur kesantunan Melayu yang menitikberatkan kesopanan tutur kata. Pada masa yang sama, peribahasa menyerlahkan kearifan masyarakat Melayu tatkala memelihara keharmonian interaksi sosial menerusi bahasa yang digunakan.

Selain kajian di atas, terdapat beberapa kajian yang membincangkan nilai dan hati budi orang Melayu secara khusus. Antaranya termasuklah kajian yang dijalankan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2000), dan Mohd. Rashid Md. Idris (2011). Kedua-dua kajian tersebut menumpukan tradisi kesopanan dan konsep budi dalam kehidupan masyarakat Melayu melalui pantun. Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000) pula menjalankan kajian yang berhubung dengan *status quo* orang Melayu dengan memaparkan profil Melayu jati di Malaysia, manakala Jeannot Abdul Karim dan Khairul Anuar Rezo (2012) pula menghasilkan skala pengukuran secara statistik untuk menentukan nilai Melayu.

Pandangan orang asing dan para sarjana di atas menjelaskan bahawa masyarakat Melayu sejak dahulu lagi telah mempunyai akhlak, budi pekerti, kesantunan, dan jati diri yang tersendiri. Kajian dan penulisan mereka sedikit sebanyak telah mengangkat martabat Melayu sebagai masyarakat yang teguh jati dirinya, yang menjadi teras kepada pembinaan peradaban Melayu.

Berdasarkan penulisan ini, pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian yang menjurus tentang nilai atau hati budi masyarakat Melayu zaman dahulu yang diterokai melalui warkah Melayu lama. Kebanyakan kajian berhubung dengan warkah hanya berkisar tentang struktur dan binaan, analisis wacana, di samping aspek morfologi, walhal nilai seperti sopan santun, berbudi bahasa, bersih tutur kata, dan berhemah tinggi sebenarnya banyak terpancar dalam binaan dan kandungan WML. Kebanyakan

unsur yang menggambarkan HBM ini disampaikan secara tersirat dan agak sukar untuk memahami definisi, makna asasi, dan lapangan konteksnya.

Selain menjadi saluran komunikasi bagi masyarakat dahulu, warkah Melayu menukilkan satu bentuk penulisan yang unik. Keunikan ini tergambar melalui struktur binaannya yang dianggap memiliki suatu genre yang tersendiri (Ab. Razak Ab. Karim, 2013). Keintelektualan orang Melayu terjelma dalam penggunaan kata pujian dan isi kandungannya yang disusun indah, teratur, dan halus. Cap mohor dan hiasan iluminasinya pula merupakan manifestasi kesenian Melayu pada masa itu dan status pengirim warkah. Sementara itu, isi kandungan warkah melakarkan gambaran peristiwa bersejarah pada zaman itu dan memaparkan hasrat penulis.

Terdapat beberapa kajian tentang WML yang pernah dilakukan oleh para sarjana tempatan dan luar. Bagi pengkaji dalam negara, kajian banyak dilakukan mulai akhir abad ke-20 atas kesedaran untuk memelihara khazanah lama yang memiliki seni halus, unsur bahasa, budaya, dan alam ini. Antara pengkaji tempatan yang banyak menerokai WML ini termasuklah Ab. Razak Ab. Karim. Salah satu kajian beliau adalah tentang struktur serta strategi komunikasi dan kesopanan yang digunakan oleh pengirim dalam warkah yang dikaji. Beliau menggunakan pendekatan genre berdasarkan pendapat beberapa sarjana dan pendekatan sosiolinguistik Dell Hymes (1977) berhubung dengan teori peristiwa bahasa. Hasil kajian beliau mendapati bahawa WML memiliki suatu bentuk genre penulisan yang tersendiri dalam penyampaian wacananya.

Raja Masittah Raja Ariffin (1999) turut mengkaji WML dalam disertasi sarjananya. Melalui kajian Bahasa Melayu dalam Warkah Melayu Terpilih, beliau menggunakan pendekatan diakronik terhadap lapan warkah Melayu yang dikaji. Daripada kajian, beliau mendapati wujudnya persamaan dan perbezaan dalam sistem pengejaan jawi, morfologi, dan perbendaharaan kata dalam warkah berkenaan.

Seterusnya, Azhar Md. Sabil (2011) dalam kajian ijazah kedoktorannya menganalisis struktur dan amalan wacana yang terkandung dalam 43 warkah perjanjian Melayu lama. Metodologi pendekatan yang digunakan dalam kajian tersebut ialah Analisis Wacana Kritis berdasarkan model Konsepsi Tiga-dimensi Wacana, manakala analisis Tatabahasa Fungsional digunakan sebagai pendekatan sokongan. Beliau mendapati bahawa terdapat pelbagai teknik dan kaedah penulisan dalam penghasilan sesebuah warkah perjanjian berdasarkan khalayak sasaran dan matlamat sesuatu perjanjian berkenaan. Kepelbagaian ini terletak pada gaya penulisan dan corak persembahannya serta struktur binaan wacananya yang dianggap memiliki suatu genre yang tersendiri.

Bagi pengkaji luar seperti Annabel Teh Gallop (A. T. Gallop) dan Arps Bernard (A. Bernard) (1991), kajian WML turut menarik minat mereka. Mereka mengumpulkan pelbagai jenis WML yang terdapat di seluruh kepulauan Indonesia dalam buku yang bertajuk *Golden Letter: Writing Tradisional of Indonesia*. Satu lagi kajian yang

dilakukan oleh A. T. Gallop (1994) ialah seni persuratan Melayu lama secara umum. Sebanyak 100 warkah lama telah dimuatkan dalam buku *The Legacy of the Malay Letter*. Kedua-dua buku ini berupa suatu pengumpulan sebanyak mungkin WML yang memaparkan budaya dan seni persuratan warkah Melayu. Ann Kumar, John H. Mc Glynn, dan Mastini Hardjoprakoso (1996) pula telah menyorot sejarah perkembangan tulisan di Indonesia. Kajian mereka memuatkan beberapa WML dalam buku yang bertajuk *Illumination: The Writing Traditions of Indonesia*.

Berdasarkan penerokaan tentang jati diri bangsa Melayu yang terletak pada kekuatan jiwanya, pengkaji bercadang untuk menjalankan kajian berhubung dengan HBM. Unsur hati budi akan dikenal pasti dan dianalisis berdasarkan 18 warkah Melayu lama abad ke-19 yang dipilih. Secara tidak langsung kajian ini dilakukan untuk mengisi kelompangan kajian yang berkaitan nilai dan HBM dalam WML, yang belum diteroka sebelum ini. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk memartabatkan khazanah manuskrip Melayu yang dianggap sebagai warisan ilmu yang tidak boleh dicari ganti.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengaplikasikan teori medan semantik dan model analisis yang dibangunkan oleh T. Izutsu (1964) dan Syed M. Naguib al-Attas (1970). Antara konsep penting dalam teori medan semantik termasuklah kata fokus, kata kunci, jalinan perkaitan makna, dan lingkungan konsepsi yang dapat menubuhkan satu medan semantik bagi menjelaskan makna sesuatu ungkapan. Dengan merujuk 18 WML abad ke-19 yang dipilih, pengkaji akan merungkaikan unsur HBM yang terkandung di dalamnya. Setelah dikenal pasti, unsur ini akan dikategorikan mengikut kata fokus. Seterusnya, kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus akan diinterpretasikan untuk menjelaskan rangkaian kesatuan makna yang membentuk lingkungan konsepsi dan medan semantik.

Oleh yang demikian, kajian ini dilihat mampu menjelaskan rangkaian makna HBM dalam warkah kajian, yang berpusatkan beberapa kata fokus dan dikelilingi oleh sejumlah kata kunci. Secara tidak langsung, kajian ini membantu untuk memperkaya khazanah kajian bahasa Melayu, terutamanya yang melibatkan aspek medan semantik.

Sehubungan dengan itu, persoalan yang timbul dalam kajian ini ialah:

- i. Apakah ungkapan teras hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama abad ke-19?
- ii. Apakah kata fokus yang menjadi pusat penumpuan makna dalam pembentukan teras hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama?
- iii. Bagaimanakah kata kunci yang mengelilingi kata fokus hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu diuraikan?
- iv. Bagaimanakah rangkaian kesatuan makna kata kunci yang mengelilingi kata fokus dan membentuk lingkungan konsepsi dalam medan semantik dijelaskan?

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti HBM dan penginterpretasian makna asasi setiap kata kunci yang membentuk medan semantik berdasarkan warkah kajian. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. mengenal pasti ungkapan yang berteraskan hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama abad ke-19.
- ii. menentukan kata fokus yang menjadi pusat penumpuan makna dalam pembentukan teras hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama yang dikaji.
- iii. menjelaskan makna asasi setiap kata kunci yang mengelilingi kata fokus hati budi Melayu berdasarkan warkah kajian.
- iv. menghuraikan rangkaian kesatuan makna kata kunci yang mengelilingi kata fokus yang membentuk lingkungan konsepsi dan penubuhan medan semantik hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama abad ke-19.

Kepentingan Kajian

Kajian medan semantik amat penting dalam usaha menentukan pembentukan konsepsi sesuatu masyarakat. Pandangan mereka tentang alam semesta dapat diinterpretasikan melalui huraian makna asasi sesuatu perkataan dan keberangkaiannya dengan perkataan yang lain. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menyasarkan penelitian tentang rangkaian kesatuan makna bagi setiap kata kunci HBM yang dikenal pasti berdasarkan WML abad ke-19. Kata kunci yang mengelilingi kata fokus dan berada dalam lingkungan konsepsinya berupaya menghuraikan makna keseluruhan istilah atau ungkapan hati budi masyarakat tersebut.

Kajian ini secara tidak langsung mengetengahkan keperibadian sosial raja dan pembesar Melayu lama serta menentukan jati diri dan peradaban bangsa yang diwarisi hingga kini. WML pula dijadikan medium penilaian memandangkan warkah merupakan manuskrip terawal dan telah digunakan sebagai saluran komunikasi dan perhubungan antara pembesar dengan rakyat, antara pembesar dengan pemerintah Barat, dan antara pembesar di kepulauan Melayu pada waktu itu. Melalui bait kata dalam setiap komponen warkah tercermin keperibadian masyarakat tersebut, yang digambarkan secara tersurat dan tersirat.

Sesungguhnya kajian ini sangat sesuai dan bermanfaat, terutama kepada pihak yang berminat dengan kajian yang berhubung dengan pemikiran, pekerti, keilmuan, dan norma kehidupan golongan bangsawan Melayu lama. Tambahan pula manuskrip, contohnya warkah lama seperti ini wajar dijadikan bahan kajian. Kandungan teks pula akan dianalisis berdasarkan teori medan semantik yang didapati sangat sesuai kerana teori ini menyentuh kata fokus, kata kunci, dan lingkungan konsepsi yang mendasari pembentukan keperibadian Melayu. Selain itu, analisis medan semantik yang

melibatkan penghuraian pembentukan lingkungan konsepsi turut diberikan penekanan. Hal ini membuktikan bahawa kata kunci yang telah dikenal pasti berperanan penting kerana maknanya saling berangkaian dengan kata kunci yang lain, dan dapat menjelaskan keseluruhan keperibadian masyarakat Melayu yang dikaji. Bersesuaian dengan kajian ini juga, analisis medan semantik HBM dalam WML abad ke-19 didapati mampu memberikan gambaran tentang tahap keperibadian ini diamalkan dan kewajaran jati diri serta peradaban masyarakat terdahulu diwarisi.

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan hati budi, iaitu nilai dalaman atau keperibadian raja dan pembesar Melayu lama. Menurut Hashim Haji Musa (2008: 6), “Istilah hati budi mencantumkan elemen akal dan kalbu yang bertindak secara berintegrasi dalam diri seseorang sehingga terjelma ke dalam tingkah laku, budi bahasa, nilai dan norma, pemikiran, dan pengetahuan yang dengan jelas melahirkan sifat dan keperibadian secara individu ataupun masyarakat secara kolektif”. Keperibadian mulia golongan bangsawan ini diinterpretasikan dengan menggunakan pendekatan teori medan semantik, menerusi huraian setiap kata fokus dan kata kunci berdasarkan ungkapan yang berunsurkan HBM.

Model analisis yang dipelopori oleh T. Izutsu (1964) dan Syed M. Naguib al-Attas (1990) diaplikasikan bagi menganalisis serta menghuraikan konsep kata fokus, kata kunci, rangkaian kesatuan makna, dan medan semantik yang terbentuk hasil daripada lingkungan konsepsi tersebut. Kata fokus dan kata kunci dianalisis bukan sahaja untuk menentukan makna asasnya, malah rangkaian kesatuan maknanya dengan kata kunci yang lain, yang berada dalam lingkungan konsepsi yang berpusatkan penumpuan makna kata fokus yang sama. Ringkasnya, kajian ini merupakan penghuraian secara menyeluruh setiap kata kunci bagi sifat atau keperibadian raja dan pembesar Melayu lama abad ke-19 untuk menentukan pembentukan struktur pengkonsepsian berhubung dengan kehidupan dan *worldview* masyarakat tersebut.

Setiap kata kunci dikenal pasti dan dianalisis makna asasnya sehingga menampakkan penubuhan medan semantik. Penganalisan ini ditentukan melalui ungkapan teras HBM berdasarkan warkah sosial tulisan atau kiriman raja dan pembesar Melayu. Warkah-warkah ini dipilih selaras dengan matlamat kajian untuk meneroka keperibadian sosial masyarakat Melayu lama menerusi manuskrip lama, yang dominan menggambarkan hati budi raja dan pembesar Melayu abad ke-19. Rentetan itu, 18 WML dalam koleksi *The Legacy of the Malay Letter – Warisan Warkah Melayu* (A. T. Gallop, 1994) dipilih sebagai bahan kajian kerana dapat mewakili kesultanan Melayu abad ke-19 keseluruhannya dan memadai untuk menggambarkan jati diri serta peradaban bangsa Melayu pada zaman tersebut.

Warkah-warkah ini bersesuaian dengan objektif kajian untuk menghuraikan hati budi masyarakat Melayu lama berdasarkan analisis medan semantik. Bermula daripada kepala, cap, kata puji-pujian, isi/kandungan, prapenutup sehinggalah ke bahagian penutup warkah tersurat dan tersirat keperibadian pengirim warkah tersebut. Ringkasnya, setiap unsur dalam WML yang dipilih boleh memberikan dapatan yang menggambarkan keperibadian golongan bangsawan abad ke-19 selari dengan objektif kajian dan analisis teori yang ditentukan. Yang berikut ialah senarai warkah yang dipilih untuk kajian ini seperti yang terkandung dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Warkah Kajian

Bil.	Warkah	Tarikh/Tahun
1.	Sultan Sulu Muhammad Fadl kepada Gabenor Hong Kong	1845
2.	Perjanjian Sultan Brunei kepada Raja Sarawak James Brooke	30 Syaaban 1362 / 23 Ogos 1846
3.	Munshi Abdullah kepada E. Dulaurier	18 Syaaban 1257 / 1 Ogos 1847
4.	Sultan Brunei kepada Raja Sarawak James Brooke	11 Ramadan 1268 / 29 Jun 1852
5.	Sultan Muhammad dari Selangor kepada E. A. Blundell	29 Rabiulakhir 1272 / 8 Januari 1856
6.	Datuk Bendahara Pahang kepada E. A. Blundell	14 Ramadan 1272 / 20 Mei 1856
7.	Raja Ahmad dari Kedah kepada E. A. Blundell	28 Zulhijah 1272 / 30 Ogos 1856
8.	Datu' Kelana Putera dari Semujung dan Datu' Laila Maharaja dari Rembau kepada Gabenor Negeri-negeri Selat	8 Jamadilakhir 1275 / 13 Januari 1858
9.	Sultan Al-Jaafar Muazam Syah dari Perak kepada O. Cavenagh	12 Safar 1276 / 10 September 1859
10.	Sultan Johor [Sultan Ali Iskandar Syah] kepada O. Cavenagh	30 Mei 1861
11.	Raja Kelantan kepada Gabenor Straits Settlements	12 Syawal 1278 / 12 April 1861
12.	Sultan Umar dari Terengganu kepada O. Cavenagh	10 Zulhijah 1278 / 8 Jun 1862
13.	Pengiran Temenggung Brunei kepada Gabenor Kimanis	17 Safar 1286 / 29 Mei 1869
14.	Pengiran Temenggung Brunei kepada Syeikh Rajab di Labuan	22 Ramadan 1286 / 26 Disember 1869
15.	Raja Ali Haji kepada H. von de Wall	17 Safar 1287 & 19 Mei 1870
16.	Raja Ali Haji kepada H. von de Wall	18 Muharam 1288 / 9 April 1871
17.	Sultan Abdul Samad dari Selangor kepada jajahan takluknya	27 Muharam 1293 / 23 Februari 1876
18.	Raja Muda Patani kepada W. W. Skeat	27 Muharam 1317 / 7 Jun 1899

Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan pengertian konseptual atau makna bagi sesuatu istilah yang bersifat konstitutif, formal, dan abstrak. Definisi operasional bertujuan sebagai panduan kepada pengkaji untuk memberikan pengertian sesuatu konsep selaras dengan kajiannya kerana antara pengkaji mempunyai pandangan dan pengertian yang berbeza walaupun mengkaji isu yang sama.

Sehubungan dengan itu, beberapa konsep yang berkaitan dengan bidang ini akan dihuraikan. Hal ini bersesuaian dengan kajian ini yang menginterpretasikan medan semantik hati budi masyarakat Melayu yang dikenal pasti melalui warkah Melayu abad ke-19. Untuk itu, konsep asas dalam teori medan semantik akan dijelaskan terlebih dahulu, diikuti dengan HBM dan WML yang menjadi dokumen kajian.


Medan Semantik

Medan semantik merupakan sebahagian daripada sistem semantik bahasa yang menggambarkan budaya dan realiti semesta. Sesuatu kata terbentuk menerusi makna kata yang terdapat dalam medan yang sama. Menurut Ahmad Mahmood Musanif (2004), medan semantik merupakan sekumpulan butir leksikal atau kumpulan kata yang maknanya saling berkaitan kerana hadir dalam konteks yang sama. Untuk menggambarkan hubungan sesuatu butir leksikal, makna dalam sesuatu medan dikongsi antara leksikal tersebut. Misalnya, kata yang menggambarkan kekerabatan seperti “ibu”, “ayah”, “kakak”, “abang”, dan “adik”. Semua kata ini berbeza dari segi makna tetapi berhubungan makna dan dikongsi bersama dalam medan makna “keluarga”.

Hashim Hj. Musa (2006) pula menghuraikan konsep medan semantik wujud berdasarkan gagasan bahawa perbendaharaan kata sesuatu bahasa itu berstruktur seperti tatabahasa dan fonologi. Strukturnya tersusun secara berlapis-lapis mengikut strata, yang berhubungan konsepnya antara satu sama lain. Perbendaharaan kata ini berlapis-lapis kerana setiap perkataan tidak wujud secara terpencil tetapi berhubungan antara satu sama lain dan saling berjalanan perkaitan maknanya.

Kedua-dua pandangan sarjana tempatan ini selari dengan T. Izutsu (1964: 30) yang menjelaskan medan semantik sebagai “*A group of important words, i.e., key word, centre around a word (focus-word) which represents and unifies the whole group and constitute in this way a relatively independent field of concepts*”. Begitu juga dengan Syed M. Naguib al-Attas (1970), yang menegaskan bahawa dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa terdapat medan semantik atau lingkungan konsepsi yang bertindihan antaranya kerana adanya perkaitan dan pergantungan. Menurut beliau lagi, “*A semantic field is comprised of key words clustering around a particular key word, and this key word may also be a focus word in that particular semantic field*” (Syed M. Naguib al-Attas, 1970: 143).

Sebagai rumusnya, medan semantik ialah sekumpulan perkataan yang dinamakan kata kunci, yang mengelilingi satu kata fokus sebagai pusat penumpuan makna. Kata kunci ini saling berkaitan maknanya dan membentuk konsep tertentu bagi sesuatu istilah. Sebagai contoh, medan semantik bagi “pasar” dapat digambarkan melalui Rajah 1 di bawah. Perkataan yang mengelilingi kata fokus “pasar” mempunyai hubungan dan saling berangkaian maknanya serta membentuk konsep yang tersendiri.



Rajah 1 : Medan Semantik bagi Kata Fokus “Pasar”

Kata Fokus

Kata fokus atau kata inti merupakan pemusatan makna bagi kata kunci yang mengelilinginya. Kata fokus ini boleh menjadi kata kunci biasa dalam medan semantik yang lain dengan pemfokusan makna yang berbeza. Dengan merujuk contoh kata fokus “pasar” dalam Rajah 1 di atas, perkataan “pasar” boleh berubah menjadi kata kunci dan mengelilingi pusat tumpuan makna yang lain jika kata fokusnya ialah “bangunan”.

Dalam konteks kajian ini, kata fokus yang ditentukan ialah pemusatan makna bagi keperibadian raja dan pembesar Melayu lama abad ke-19 yang ditemukan dalam WML. Kesimpulannya, dalam perbendaharaan kata semantik, kata kunci saling bertindihan dan tidak ada perkataan yang wujud secara berasingan, malah berhubung kait dan terbentuk secara bersepadu keseluruhannya.

Kata Kunci


Menurut Hashim Hj. Musa (2006: 99), kata kunci ialah sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat tentang kewujudan alam, realiti, dan alam kehidupan mereka. Kata kunci yang mengelilingi sesuatu kata fokus boleh bertindak sebagai kata fokus bagi medan semantik yang lain dan menjadi fokus penumpuan makna yang lain juga.

Ringkasnya, kata kunci dalam sesuatu bahasa atau wacana dapat menjelaskan makna asasi setiap istilah yang mempengaruhi kehidupan, aspirasi, kepercayaan, dan pandangan bagi masyarakat bahasa tersebut. Untuk kajian ini, kata kunci yang ditentukan akan memberikan bayangan tentang kegiatan kehidupan, kepercayaan serta keperibadian golongan istana abad ke-19. Setiap kata kunci ini saling berkaitan maknanya kerana berada dalam lingkungan konsepsi yang sama dan boleh menggambarkan *worldview* masyarakat tersebut keseluruhannya.

Rangkaian Kesatuan Makna dan Lingkungan Konsepsi

Rangkaian kesatuan makna merupakan satu lapangan yang mempunyai beberapa kata kunci yang saling berkait maknanya di bawah satu fokus penumpuan makna. Sebagai contoh ialah kajian yang dilakukan oleh Syed M. Naguib al-Attas terhadap karya Hamzah Fansuri. Beliau telah memadankan kata fokus “ada” yang bermaksud wujud atau ontologi dengan kata kunci, iaitu “wujud”, “adam”, “zahir”, “maujud”, “fana”, “batin”, dan “mutlaq”. Makna setiap kata kunci ini saling berkait dan inilah yang dinamakan makna perkaitan ataupun makna yang berangkaian kesatuannya.

Seterusnya, berdasarkan rangkaian kesatuan makna antara kata fokus “ada” dengan kata kunci yang dipadankan itu, terbentuklah satu lingkaran yang dinamakan lingkungan konsepsi. Lingkungan konsepsi ini boleh menunjukkan realiti yang sebenar bagi sesuatu perkataan itu kerana wujud dalam lapangan yang saling berkaitan maknanya. Rajah 2 berikut merupakan gambaran tentang konsep asas dalam medan semantik.



Rajah 2 : Asas Medan Semantik

Hati Budi

Menurut Hashim Haji Musa (2008: 6), istilah “hati” ialah suatu unsur rohaniah yang halus dalam diri manusia dan berhubungan dengan jantung. Hati berfungsi sebagai tempat pelahiran perasaan, keinginan dan kemahuan. “Susah hati”, “ikut hati”, “kata hati”, “lubuk hati”, “jatuh hati”, dan “suka hati” lahir daripada gerakan hati dan jiwa. Hati juga merupakan sasaran sesuatu perintah, celaan, hukuman, dan tuntutan daripada Tuhan. Kesimpulannya, hati menjadi medan utama diri dan menyedari segala tindakan.

Tindakan yang baik dan buruk boleh dilaksanakan dengan gerakan “hati”. Contohnya apabila hati mendapat cahaya taufik dan hidayah daripada Allah, kita terdorong untuk melaksanakan sesuatu yang hak dan taat kepada hukum Allah. Sebaliknya, jika hati terhindar daripada rahmat dan perlindungan Allah, sesuatu yang batil, buruk, jahat dan tercela akan dilaksanakan dan membinasakan. Begitulah gambaran betapa berkuasa dan besarnya peranan hati dalam diri manusia.

Manakala “budi” menurut Zainal Abidin Borhan (1999) merupakan sistem nilai tertinggi yang mendasari hubungan sosial orang Melayu. Budi menjadi satu tenaga yang menjana orang Melayu agar berfungsi sebagai anggota agama, masyarakat, dan budaya. Budi juga berkait rapat dengan *conscience*, kesedaran, kata hati, perasaan, rasa hati (qalbu), dan berhati perut. Seseorang yang berbudi ialah individu yang beragama dan bertaqwa kepada Tuhan (Allah) kerana taqwa merupakan unsur budi yang tertinggi.

Selain itu, konsep “budi” merujuk “alam jiwa” yang terdapat dalam gagasan budi daya atau budaya. Budi ialah alam jiwa dan daya ialah gerak laku fizikal. Oleh itu, budi ialah struktur dalaman atau batiniah yang lahir melalui gerak laku dan ujaran seseorang. Ringkasnya, budi bolehlah dikaitkan dengan istilah “akal” dan “intelekt” yang dihubungkan dengan otak untuk memahami dan menguasai ilmu atau disiplin yang abstrak. Dengan daya akal dan intelekt yang bijaksana lahirlah bicara, daya upaya, dan tingkah laku yang sempurna dalam kehidupan seharian.

Jelasnya, istilah “hati budi” bermaksud elemen minda dan jiwa yang bertindak secara bersama-sama dalam diri seseorang dan diterjemahkan dalam bentuk perlakuan, pekerti, norma, dan pemikiran. Tingkah laku ini boleh dilihat dalam diri seseorang atau dalam masyarakat. Dalam masyarakat, tindakan minda dan jiwa ini dilihat sebagai milik sepunya dan dapat menggambarkan keperibadian sosial masyarakat tersebut. Hakikatnya, hati budi dalam kajian ini merujuk keperibadian teras milik sepunya raja dan pembesar Melayu abad ke-19, seperti yang tergambar dalam warkah kajian.

Warkah Melayu Lama

Perkataan “warkah” berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud “surat” atau “isi surat”. Warkah yang dimaksudkan ditulis dengan tangan pada apa-apa juga bentuk permukaan. Contohnya kertas, kulit binatang, daun, buluh, gading, kayu, dan pelbagai medium yang lain. Warkah dalam bahasa Melayu klasik yang menggunakan ejaan Jawi ini dianggarkan telah dihasilkan dalam lingkungan akhir abad ke-15 hingga akhir abad ke-19. Warkah tersebut ditulis dengan beberapa tujuan. Antaranya sebagai tanda persahabatan, perdagangan, perlindungan, politik, ekonomi, perjanjian, penaklukan, dan sebagainya.

Warkah ini juga dikirim oleh tiga kelompok besar pengirim dan penerima, iaitu antara sultan di kepulauan Melayu, antara pemerintah Barat dengan sultan, dan antara sultan dengan pemerintah Barat. Menurut Yusoff Iskandar (1984), alam Melayu merangkumi daerah selatan Thailand, Malaysia, melingkungi seluruh Nusantara (Indonesia sekarang ini), Brunei Darussalam sehinggalah menjangkau kepulauan dan gugusan Filipina. Untuk kajian ini, hanya warkah abad ke-19 yang dihasilkan oleh raja atau pembesar di beberapa daerah dan negeri Tanah Melayu, Borneo Sabah dan Sarawak, serta Brunei dan Filipina dijadikan bahan kajian.

Sebagai rumusan, WML yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan coretan yang ditulis dalam ejaan Jawi oleh raja atau pembesar Melayu dalam abad ke-19 kepada pemerintah Barat ataupun sesama sultan dan rakyat di kepulauan Melayu. Warkah ini menggunakan bahasa Melayu klasik, yang menjadi *lingua franca* pada masa itu dan dikirim sebagai tanda persahabatan, perlindungan, politik, dan pentadbiran negara.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Razak Ab. Karim. (1994). Manuskrip Surat Kebenaran Berniaga oleh Raja Aceh kepada Kapitan Inggeris 1601: Satu Analisis Linguistik. *Jurnal Filologi Melayu*, 3: 49-67.
- Ab. Razak Ab. Karim. (1998). *Warkah-warkah Melayu Sebagai Suatu Genre*. Tesis Kedoktoran, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2005). Warkah-warkah Kesultanan Melayu Lama Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Analisis Komponen dan Binaan Warkah. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15: 183-201.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006a). Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006: *Strategi Komunikasi & Kesopanan Berbahasa di Kalangan Masyarakat Melayu Tradisional: Kajian Berdasarkan Warkah-warkah Melayu Lama*.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006b). *Warkah Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2013). *Warkah Raja-raja Melayu: Struktur, Stilistik dan Nilai Estetika*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2014). *Illuminasi dalam Warkah-warkah Sosial*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abbas Mohd Shariff. (2004). *Adab Orang Melayu*. Singapura: Alfa Media.
- Abdul Aziz Ismail. (2005). *Mengenal 20 Sifat Allah SWT*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2001). Ayat: Analisis Makna dengan Kebenaran. Dalam *Monograf Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Bil. 5: 19-29.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2004). *Modul Pembelajaran BBM3206 Semantik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Al-Attas, Syed Hussein. (2006). *The Myth of the Lazy Native*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Aminuddin. (1985). *Semantik: Pengantar Studi Tentang Makna*. Malang: Penerbit C. V. Sinar Baru Bandung.

- Ann Kumar, John H. Mc Glynn, dan Mastini Hardjoprakoso. (1996). *Illumination: The Writing Traditional of Indonesia*. Jakarta: Yayasan Lontar.
- Arabi Idid, Syed. (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Md. Sabil. (2011). *Warkah-warkah Perjanjian Melayu Abad ke-19: Analisis Wacana Kritis*. Tesis Kedoktoran, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Badriyah Haji Salleh. (1999). *Warkah al-Ikhlâs: 1818-1821*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (2011). *Bahasa Melayu Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia. (Terjemahan oleh Alma Evita Almanar).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat (Harga Ekonomi) Cetakan Pertama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eugena A. Nida. (1996). *Meneroka Struktur Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Terjemahan oleh Mashudi Kader).
- Farid Mat Zain. (2007). *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Gallop, A. T. dan Bernard, A. (1991). *Golden Letter: Writing Traditional of Indonesia – Surat Emas: Budaya Tulis di Indonesia*. London: The British Library/Yayasan Lontar.
- Gallop, A. T. (1994). *The Legacy of The Malay Letter – Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library/Arkib Negara Malaysia.
- Gallop, A. T. (2006). Malay Manuscript Illumination. *Jurnal Filologi Melayu*, 14, 108–127.
- Gay, L. R. dan Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Ed. Ke-8. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil. (2012). Peribahasa Cerminan Budi Bahasa dan Budaya Bangsa Melayu (The Malay Proverbs: A Reflection of Malay Politeness and Culture). *Issues in Language Studies*. Vol. 1(1): 34-37.
- Hamka. (1976). *Lembaga Budi*. Melaka: Penerbitan Abbas Bandong.
- Hashim Fauzy Yaacob. (2013). *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British 1946-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Hj. Musa. (1995). Mencari Ilmu yang Benar: Pendekatan Kajian Berdasarkan Kata-kata Kunci Utama. *Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) – Kesturi*, Jilid 5(2), Disember: 26-69.
- Hashim Hj. Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab. Karim. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol.12(1), 163-182.
- Hashim Hj. Musa dan Ong Chin Guan. (1998). *Pengantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husin Saif. (2009). *Keimplisitan Ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari Sudut Pragmatik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Hymes, D. (1977). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. London: Tavistock Publications Limited.
- Ibrahim Ahmad. (2005). *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail Hj. Ali. (1996). *Risalah Tauhid*. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- Ismail Noor dan Muhammad Azahan. (2000). *Takkan Melayu Hilang di Dunia*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Tokyo: Keio Institute of Cultural and Linguistics Studies, Keio University.
- Jawatankuasa Kolokium. (1991). *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo. (2012). Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis. *Akademika*. 82(1) 2012: 113-123.
- Johari Haji Alias. (1994). *Membina Peribadi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Johari Haji Alias. (1997). *Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartz & Fodorz. (1963). The Structure of Semantic Theory. *Language*. 39: 170-210.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA). (2005). *Budi Bahasa Budaya Kita*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA).
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA), Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia. (2006). Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu: *Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Kempson. (1977). *Semantic Theory*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Leech, Geoffrey. (1993). *Prinsip Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Terjemahan oleh Azhar M. Simin).
- Lehrer, Adrienne. (1974). *Semantic Field and Lexical Structure*. Amsterdam: North Holland Press.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif: Edisi Ketiga* (Terj. oleh Haliza Mohd. Riji dan Shamsuddin Ahmad). Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Mahayudin Haji Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Metzger, L. (2009). *Nilai-nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mildred Nalliah dan Shuki Osman. (2007). Kelemahan Lazim dalam Persembahan Kerangka Teoretis-Konsepsi dalam Tesis Sarjana dan Kedoktoran. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 22: 127-132.
- Ming, Ding Choo. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ming, Ding Choo. (2008). *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ming, Ding Choo. (2014). The Application of Malay Indigenous Scientific and Technical knowledge in the production of Malay Manuscripts. In *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu* (pp. 1-12). http://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1623/1/PAMM2014_Paper03

- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, Fatimah Mohamad Tajuddin dan Nor Atiah Ismail. (2002). *Nilai-nilai Cemerlang Kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2000). Tradisi Kesopanan dalam Pantun Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jil. 44 Bil.5: 616-622.
- Mohd. Ali Abu Bakar. (2005). *Tanggungjawab Setiap Muslim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Mohd. Aris Anis dan Ahmad Esa. (2012). Prosiding Persidangan Antarabangsa Kefahaman Islam. *Fungsi dan Peranan Komunikasi Berimplikatur dalam Budaya Masyarakat Melayu Islam*.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Rashid Md. Idris. (2007). *Falsafah Bahasa: Nilai Melayu-Islam dalam Pantun*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Rashid Md. Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Rashid Md. Idris. (2012). Nilai Kebijaksanaan Melayu dalam Pantun. *“Ulum Islamiyyah Journal, Vol. 9: 1-16.*
- Mohd. Yusof. (2007). *Akhlak Mulia dan Nilai-nilai Murni*. Puchong: Berlian Publications.
- Muhammad Hj. Salleh. (1999). *Menyeberang Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa. (2003). Penggunaan Teori dan Kerangka Teori dalam Penyelidikan Pendidikan Matematik. *Masalah Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*, Jil. 26: 29-61.
- Noor Aina Dani. (2000). *Kaedah Penyelidikan dalam Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani. (2011). Aplikasi Kaedah Analisis Kandungan: Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku *Malay Courtesy*. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1): 121-136.
- Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*. 5: 83-1088.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah dan Idris Aman. (2007). *Linguistik: Teori dan Aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazlina Hj. Mohd. Kiram dan Raja Masittah Raja Ariffin. (2012). Kesantunan Berbahasa Orang Melayu Menerusi Gaya Pengurusan Air Muka dalam *Saga: Aplikasi Teori Ting-Toomey*. *Jurnal Bahasa*, Jil. 12, Bil. 2, Disember: 284-300.
- Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Palmer, F. R. (1989). *Semantik*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka. (Terjemahan oleh Abdullah Hassan).
- Parera, J. D. (2004). *Teori Semantik Edisi Kedua*. Jakarta: Airlangga.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (1999). *Bahasa Melayu dalam Warkah Melayu Terpilih*. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ringkasan Shahih al-Bukhari*. (2014). Batu Caves: Crescent News (KL) Sdn. Bhd. (Disusun oleh Imam az-Zabidi).
- Rozita Che Rodi. (2013). *Bahasa Sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari Sudut Medan Semantik*. Tesis Kedoktoran, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- S. Husin Ali. (1981). *The Malays: Their Problems and Future*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Saiful Bahri Kamaruddin. (2015, 25 Februari). Kajian terhadap Persuratan Melayu Zaman Silam Perlu Ditingkatkan. *Berita Kampus UKM*. <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-kampus/2021-call-to-step-up-study-on-historical-malay-letters-.html>.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2014). Bingkisan Hadiah Pencetus Keberlangsungan Hubungan Diplomatik pada Zaman Kesultanan Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(2): 91-103.
- Salmah Jan Noor Muhammad, Hashim Musa dan Rozita Che Rodi. (2014). Pembentukan Ilmu Diplomatik Melayu dalam Menjalini Hubungan antara Kerajaan. Kuala Lumpur: *Perpustakaan Negara Malaysia*, 1-13.

- Senu Abdul Rahman (Penyusun). (2004). *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sheppard, M. C. ff. (1965). *Malay Courtesy*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1): 75-81.
- Siti Mariani S.M. Omar. (2002). Warkah Raja-raja Melayu di Pusat Manuskrip Melayu. *Perpustakaan Negara Malaysia*, 13-23.
- Siti Zamrah Isa dan Che Ibrahim Hj. Salleh. (2014). Pemikiran Za'ba dalam Membentuk Jati Diri Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(2): 21-29.
- Swettenham, F. (1984). *Malay Sketches*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- Swettenham, F. (2007). *Perihal Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. (Terjemahan oleh Zubaidah Ibrahim).
- Syamsul Rijal Hamid dan H. F. Rahadian. (2000). *Pengetahuan tentang Agama Islam*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30 Juz)*. (2013). Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd. dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (Diterjemah oleh Sheikh Abdullah Basmeih).
- Tenas Effendy. (2003a). *Ethos Kerja*. Pekanbaru: Unri Press.
- Tenas Effendy. (2003b). *Kegotongroyongan dan Tenggang Rasa*. Pekanbaru: Unri Press.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu bekerjasama dengan Penerbit AdiCita.
- Terjemahan Hadis Shahih Bukhari*. (2009). Kuala Lumpur: Klang Book Centre. (Disusun oleh al-Imam al-Bukhary).
- Trier, J. (1931). *Der deutsche Wortschatz im Sinnbezirk des Verstandes*. Heidelberg.
- Trier, J. (1934). Das sprachliche feld. eine auseinandersetzung. *Neue Fachrb"ucher f"ur Wissenschaft und Jugendbildung*. Vol. 10: 428-449.

Yusoff Iskandar (1984, 9 Mei). Manuskrip Melayu: Apakah Manfaat dan Masalahnya. *Berita Harian*.

Za'ba. (2005). *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Bakar. (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Zainal Abidin Borhan. (1999). Seminar Kefahaman: Budaya. *Budaya Melayu: Akhlak Mulia Masyarakat Jaya*.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). Penyerapan Ilmu Semantik dan Pragmatik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam Abdullah Hassan, Idris Mohd. Radzi dan Dahlia Janan (eds.). *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.